

FPP

BizNewz

January - May 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

USEFUL
INFORMATION
IN CHOOSING
ROBO-ADVISORY

Muscle

Memory!

Bunga Raya,
BUKAN BUNGA BIASA.

Gold

SECRET
OF DARTS


SAVING: 999 @ 916

AKU, DIA
NICU

SIRI 8



Publication Date
1 June 2024



Kenaikan harga barang keperluan harian akhir-akhir ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada perbelanjaan harian rakyat. Walaupun langkah penjimatan boleh diambil, ia lebih sesuai untuk barangan kehendak berbanding barangan asas seperti sayur-sayuran yang penting untuk kesihatan. Beberapa cadangan boleh dilakukan untuk mengurus perbelanjaan dengan bijak tanpa menjejaskan pemakanan sihat. Antaranya ialah merancang belanja mingguan dengan teliti, menukar kepada jenama alternatif yang lebih murah, mengambil diskaun dan promosi, membeli sayur musim, menanam sayur sendiri, menyediakan hidangan dari bahan sedia ada dan mengurangkan makanan segera. Dengan perancangan bijak dan berdisiplin, masalah kenaikan kos sara hidup ini mampu diharungi tanpa mengabaikan kebajikan kesihatan. Pembelanjaan perlu difokuskan kepada barangan penting dan keutamaan perlu diberi kepada pemilihan sayur-sayuran dan buah-buahan yang ternyata baik untuk kesihatan.

Kebun Mini: Keberdikarian dan Potensi Keusahawanan Kecil-kecilan

Sharazad Haris*, Nurulashikin Romli & Aflah Isa

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor

Emel Koresponding: sharazad@uitm.edu.my


Kenaikan harga sayur-sayuran tempatan dalam tempoh 10 tahun dari November 2013 ke November 2023 adalah ketara seperti yang tertera. Perbezaan harga ini di ekstrak dari laporan tahunan FAMA untuk harga purata sayuran terpilih pada tahun-tahun tersebut. Kenaikan harga ini disebabkan oleh faktor inflasi dan beberapa faktor lain. Mengikut purata harga setiap sayuran bagi tahun 2023, setiap kilogram sayuran tersebut jika dibeli secara runcit bukanlah satu komoditi yang agak murah, dan penulis sendiri sekiranya diberikan pilihan di antara membeli 10 biji telur gred B yang berharga sekitar RM4.00 atau setengah kilo buncis, penulis akan memilih 10 biji telur. Walaupun sayur-sayuran kelihatan lebih mahal berbanding telur, namun sayur-sayuran tetap perlu menjadi sebahagian penting dalam pemakanan harian keluarga. Ini kerana sayur-sayuran mengandungi pelbagai vitamin, mineral dan serat yang diperlukan tubuh badan. Pemilihan dan pengambilan sayur-sayuran yang mencukupi adalah amat penting demi kesihatan jangka panjang.

JENIS	HARGA/KG		% Δ
	NOV 2013	NOV 2023	
CILI HIJAU	7.50	12.54	67.15%
CILI MERAH (KULAI)	9.15	17.80	94.54%
CILI MERAH (MINYAK)	9.30	15.51	66.73%
BENDI	5.50	7.19	30.76%
BUNCIS	7.10	12.35	73.97%
K. PANJANG	4.25	7.40	74.06%
KOBIS	3.05	4.58	50.30%
TIMUN	2.20	4.08	85.45%
TOMATO	3.70	6.49	75.28%



Perbezaan harga runcit sayur/kg (10 tahun)

Sumber: Laporan tahunan FAMA





Menanam sayur-sayuran sendiri merupakan satu langkah bijak untuk memastikan kesinambungan pemakanan sihat walaupun berdepan kenaikan harga sayur di pasaran. Penulis sendiri mengamalkannya melalui kebun mini yang hanya seluas 25 kaki x 3 kaki di bahagian tepi rumah kediaman. Dengan berbekalkan modal yang sangat minimal untuk membeli beberapa pek tanah yang sesuai dan benih sayur (sebagai permulaan), ia mampu membuahkan hasil melebihi keperluan harian.

Walaupun kecil, kebun mini ini telah berjaya menghasilkan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti sawi, bayam, kangkung, kobis bulat, terung, bendi dan kacang panjang yang ditanam mengikut giliran, serta tanaman sampingan lain yang ditanam disekeliling rumah seperti pelbagai jenis cili padi, limau kasturi, jagung, ubi kayu, serai, daun pandan, daun kunyit, limau purut dan lengkuas yang ditanam untuk kegunaan. Kebun mini diurus secara penggiliran memandangkan kawasannya yang terhad. Namun, hasilnya tetap mencukupi keperluan harian malah berlebihan. Ini membuktikan bahawa setiap keluarga mampu mengusahakan kebun mini walaupun dalam skala kecil. Di samping menjimatkan perbelanjaan, kebun mini yang diusahakan sendiri juga mesra alam dan menjamin kesegaran hasil tanaman.

Sekiranya kawasan merupakan salah satu faktor kekangan untuk memulakan penanaman sayur sendiri, kebun juga boleh didirikan secara vertikal (vertical garden) ataupun digantung (hanging garden). Ia boleh juga diusahakan secara usahasama seperti kebun bandar dan kebun komuniti. Amalan menanam sayur sendiri ini sangat disyorkan kerana ia dapat meningkatkan tahap keberdikarian, serta mengurangkan pergantungan kepada pembekal dan penjual sayur di pasaran, selain daripada meneruskan kesinambungan pemakanan berkhasiat dan sihat dalam kalangan keluarga. Jika kebun sayur ini dapat diperluaskan, ia juga berpotensi menjadi sumberpendapatan tambahan kepada keluarga.

* Gambar hiasan adalah gambar di kebun milik penulis sendiri



BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com